



# PANDUAN PERKHIDMATAN



Jika anda bercadang untuk menyertai pelan takaful yang dipasarkan melalui wakil/eksekutif kewangan bank, anda boleh menikmati perkhidmatan tambahan seperti yang dinyatakan.

## Perkhidmatan Yang Boleh Anda Harapkan daripada Wakil/Eksekutif Kewangan Bank Kami

### SEBELUM ANDA MENYERTAI PELAN TAKAFUL

#### MEMBANTU

- Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan untuk memahami keperluan kewangan dan keperluan risiko anda.
- Mencadangkan pelan Takaful yang sesuai
- selepas menilai keperluan anda.

#### MENERANGKAN

- Menerangkan ciri-ciri pelan, manfaat yang dibayar, pengecualian, sumbangan dan caj-caj.
- Menyediakan Helaian Penerangan Produk, untuk membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat dan memudahkan anda membuat perbandingan produk.

### APABILA ANDA MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENYERTAI PELAN TAKAFUL

#### MEMBANTU

- Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang cadangan dengan lengkap dan tepat.
- Menerangkan kepentingan membuat penamaan dan/atau hibah untuk memastikan manfaat yang perlu dibayar diterima oleh penama atau benefisiari anda sekiranya berlaku kematian.
- Mengemukakan permohonan takaful anda untuk pengunderitan selepas anda menandatangani borang cadangan.

#### MENERANGKAN

- Sijil Takaful akan dihantar kepada anda dalam masa xx hari.
- Menerangkan syarat-syarat dan terma-terma sijil untuk memastikan bahawa ini adalah pelan Takaful yang sesuai yang telah disertai oleh anda.

### SEMASA TEMPOH PELAN TAKAFUL

#### PERKHIDMATAN SIJIL BERTERUSAN

- Membantu dalam mengemukakan permintaan perkhidmatan kepada Takaful Operator A seperti pengubahsuaian sijil, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran sumbangan.

#### MEMBANTU ANDA DALAM MEMBUAT TUNTUTAN TAKAFUL

- Membimbing anda untuk melalui prosedur standard mengenai tatacara untuk membuat tuntutan Takaful.